

Anwar: SPR gagal laksana pilihan raya dengan baik
Malaysiakini.com
October 03,2011

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) gagal menggalas tugas dengan baik sehingga menimbulkan ketidakpuasan hati terhadap pelaksanaan pilihan raya di negara ini, kata Ketua Pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim pada sidang Dewan Rakyat yang bermula hari ini.

NONE"Yang saya mahu tekankan adalah bagaimana cara untuk mendesak SPR yang diberikan kuasa begitu besar dan telah menjalankan pilihan raya begitu lama, tidak melaksanakan tanggungjawab dengan baik.

"Ia akan jadikan isu dan dibahasakan di dalam negara dan peringkat antarabangsa. Malaysia tercemar kerana tidak dapat pilihan raya yang bebas dan bersih," kata Anwar ketika mengajukan soalan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Najib.

Selain mempertikaikan peranan SPR, Anwar juga mendesak kerajaan menyatakan cara suruhanjaya itu melaksanakan tanggungjawab dengan lebih efektif bagi memastikan pilihan raya lebih adil dan bebas.

Dalam soalan bertulisnya, Anwar membangkitkan isu ketidakupayaan SPR mengambil tindakan berdasarkan bidang kuasa sedia ada bagi memperbaiki sendiri kelemahan yang dibangkitkan dalam tuntutan BERSIH 2.0 tanpa perlu menunggu cadangan daripada Jawatankuasa Khas Parlimen.

bersih rally july 9 crowd face-off with police 1Menjawab soalan itu, Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Nazri Abdul Aziz berkata tuntutan BERSIH 2.0 bukan perkara baru yang dibincangkan di parlimen malah SPR mengambil langkah berpandukan asas perlembagaan persekutuan dan akta-akta yang diperuntukkan.

"Kerajaan telah tampil menubuhkan jawatankuasa bagi membincangkan keperluan untuk menambahbaik proses pilihan raya yang lebih adil telus dan demokratik. Ini adalah langkah untuk menyediakan ruang kepada pihak-pihak yang tidak berpuas hati melalui wakil dilantik JPP," kata Nazri.

Anwar kemudian bingkis menyatakan bahawa SPR gagal menguruskan hal-hal berkaitan Fasal 113 perlembagaan persekutuan yang tidak dapat disempurnakan dengan baik termasuk melepaskan tanggungjawab kepada parti-parti politik bersabit penyediaan daftar pemilih.

azlan"Kita terpaksa kerahkan jentera parti politik untuk mendaftar padahal ini isu asas hak asasi rakyat Malaysia. Ini gagal disempurnakan dengan baik," kata Anwar lagi.

Mesyuarat keempat penggal ketiga sidang Dewan Rakyat ke 12 bermula hari ini hingga 1 Disember 2011.